

14 OCT 1996

Mahathir-Hukuman (bergambar)

HUKUMAN MESTI SETIMPAL DENGAN KESALAHAN, KATA PM

KUALA LUMPUR, 14 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sesuatu hukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah hendaklah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan.

"Saya berpendapat hukuman itu patutlah setimpal dan tidak membayangkan pada pandangan umum seolah-olah ia tidak mengambil kira jenis jenayah yang dilakukan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Jactim di sini hari ini. Jactim ialah singkatan kepada Japanese Chamber of Trade and Industry of Malaysia (Dewan Perdagangan dan Industri Jepun di Malaysia).

Dr Mahathir sewajarnya setiap hukuman yang dijatuhkan itu mesti ada kaitan dengan jenayah yang dilakukan.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Ketua Hakim Negara Tan Sri Eusoff Chin yang menasihatkan mahkamah rendah supaya mengenakan hukuman minimum penjara seminggu terhadap mereka yang didapati melakukan kesalahan serius.

Eusoff dilaporkan berkata hukuman penjara minimum sehari seolah-olah "mempersendakan" undang-undang daripada merupakan satu pengajaran kepada pesalah.

Mengenai yayasan itu, Dr Mahathir berharap kegiatannya dapat menyumbang kepada perkembangan warisan Malaysia.

"Saya yakin bahawa tali persahabatan antara Malaysia dan Jepun akan terus kukuh berdasarkan persefahaman bersama," kata beliau dalam ucapannya.

Dr Mahathir berkata beliau gembira mendapati bahawa sejajar dengan matlamat Jactim mempertingkatkan hubungan baik antara rakyat kedua-dua negara, yayasan itu akan meluaskan kegiatannya ke arah menggalakkan pertukaran kebudayaan dan sumbangannya bagi memanfaatkan rakyat.

Beliau kemudian menerima cek sebanyak RM98,000 daripada pengerusi Yayasan Jactim Tan Sri Kazumasa Suzuki sebagai sumbangan kepada program pengajian Jepun di Univerisiti Malaya untuk tahun ini. Cek itu kemudian diserahkan kepada Naib Canselor universiti itu Datuk Dr Haji Abdullah Sanusi. -- BERNAMA

ZAB MAI